



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**  
**PRINSIP PERAKAUNAN**  
**TINGKATAN 5 (SISIPAN)**

**TAHUN 2021**



## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

### **Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**

Timbalan Pengarah Kanan  
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
S8.0	PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL	S8.1	<b>Perakaunan asas tunai dan asas akruan serta jenis-jenis pelarasan</b>	S8.1	<b>Perakaunan asas tunai dan asas akruan serta jenis-jenis pelarasan</b>			18
		S8.1.4	Menerangkan keperluan mengambil kira pelarasan dalam penyediaan Penyata Kewangan.	S8.1.1	Menerangkan pengertian perakaunan asas tunai dan asas akruan.			
				S8.1.2	Menerangkan maksud pelarasan.			
				S8.1.3	Menyenaraikan jenis pelarasan pada tarikh imbangan.			
		S8.2	<b>Pelarasan akaun nominal</b>	S8.2	<b>Pelarasan akaun nominal</b>			
		S8.2.3	Merekod item pelarasan ke dalam Jurnal Am dan lejar.	S8.2.1	Menerangkan maksud item pelarasan: (i) Belum Terperoleh (ii) Belum Terima (iii) Prabayar (iv) Belum Bayar			
		S8.2.4	Merekod hasil dan belanja yang terselaras ke dalam Akaun Untung Rugi.	S8.2.2	Menyenaraikan contoh-contoh item pelarasan untuk Akaun Nominal.			

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		S8.2.5	Merekod item Belum Terperoleh, Belum Terima, Prabayar dan Belum Bayar ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan.					
		S8.2.6	Menerangkan kesan terhadap Penyata Kewangan sekiranya konsep akruan tidak diaplikasikan.					
		<b>S8.3</b>	<b>Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu</b>	<b>S8.3</b>	<b>Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu</b>			
		S8.3.3	Menerangkan keperluan mewujudkan Peruntukan Hutang Ragu.	S8.3.1	Menerangkan maksud Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu.			
		S8.3.4	Menghitung Peruntukan Hutang Ragu berdasarkan nilai Akaun Belum Terima bersih dalam situasi mewujudkan atau menyelaraskan Peruntukan Hutang Ragu.	S8.3.2	Menyenaraikan sebab berlakunya Hutang Lapuk dan Hutang Lapuk Terpulih			

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)	
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		S8.3.5	Merekod Akaun Belum Terima, Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih, Hutang Ragu dan Peruntukan Hutang Ragu, dalam Jurnal Am dan lejar.					
		S8.3.6	Merekod Hutang Ragu, Hutang Lapuk dan Hutang Lapuk Terpulih dalam Akaun Untung Rugi.					
		S8.3.7	Menunjukkan Peruntukan Hutang Ragu dalam Penyata Kedudukan Kewangan.					
		S8.3.8	Menerangkan kesan sekiranya Peruntukan Hutang Ragu tidak diwujudkan walaupun terdapat urus niaga jualan kredit.					
		S8.3.9	Menerangkan kesan ke atas Peruntukan Hutang Ragu sedia ada sekiranya tiada baki dalam Akaun Belum Terima.					

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		<b>S8.4</b>	<b>Susut nilai dan Susut nilai Terkumpul</b>	<b>S8.4</b>	<b>Susut nilai dan Susut nilai Terkumpul</b>			
		S8.4.4	Menghitung Susut nilai berdasarkan kaedah garis lurus, baki berkurangan dan penilaian semula.	S8.4.1	Menyatakan maksud Susut nilai dan Susut nilai Terkumpul.			
		S8.4.5	Merekod Susut nilai dan Susut nilai Terkumpul ke Jurnal Am dan lejar.	S8.4.2	Menerangkan sebab berlakunya Susut nilai terhadap Aset Bukan Semasa.			
		S8.4.6	Merekod Susut nilai dalam Akaun Untung Rugi.	S8.4.3	Menyenaraikan dan menerangkan kaedah pengiraan Susut nilai.			
		S8.4.7	Menunjukkan Susut nilai Terkumpul dalam Penyata Kedudukan Kewangan.					
		S8.4.8	Menyatakan faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan kaedah Susut nilai.					



Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		S8.4.9	Menerangkan kesan penggunaan kaedah penentuan Susut nilai yang berlainan terhadap Penyata Kewangan dengan menunjukkan contoh berkaitan.					
		<b>S8.5</b>	<b>Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai</b>	<b>S8.5</b>	<b>Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai</b>			
		S8.5.4	Menghitung untung atau rugi atas pelupusan Aset Bukan Semasa.	S8.5.1	Menerangkan maksud pelupusan Aset Bukan Semasa.			
		S8.5.5	Merekod pelupusan Aset Bukan Semasa dalam Jurnal Am.	S8.5.2	Menerangkan sebab pelupusan Aset Bukan Semasa.			
		S8.5.6	Menyediakan Akaun Pelupusan Aset Bukan.	S8.5.3	Menerangkan pelupusan aset melalui penjualan secara tunai.			
		S8.5.7	Merekod untung atau rugi atas pelupusan Aset Bukan Semasa ke Akaun Untung Rugi					

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)			
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap		
		S8.5.8	Merekod pelupusan Aset Bukan Semasa dalam akaun lejar yang berkaitan.						
		S8.5.9	Menunjukkan kesan pelupusan Aset Bukan Semasa kepada Penyata Kewangan.						
		<b>S8.6</b>	<b>Imbangan Duga Terselaras</b>	<b>S8.6</b>	<b>Imbangan Duga Terselaras</b>				
		S8.6.3	Menyediakan Imbangan Duga Terselaras.	S8.6.1	Menerangkan maksud Imbangan Duga Terselaras.				
				S8.6.2	Menerangkan keperluan menyediakan Imbangan Duga Terselaras.				
		<b>S8.7</b>	<b>Penyata Kewangan dengan pelarasan</b>						
		S8.7.1	Menyediakan Penyata Kewangan dalam bentuk 'T' dan format penyata berdasarkan Imbangan Duga Terselaras secara manual atau menggunakan aplikasi TMK.						

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
S9.0	PEMBETULAN KESILAPAN	S9.1	<b>Pembetulan Kesilapan</b>	S9.1	<b>Pembetulan Kesilapan</b>			4
		S9.1.3	Menerangkan kaedah membetulkan Kesilapan Ketara beserta contoh.	S9.1.1	Menerangkan maksud Kesilapan Ketara dan Kesilapan Tidak Ketara.			
		S9.1.4	Menunjukkan contoh Kesilapan Tidak Ketara dan tata cara membetulkannya dalam Jurnal Am dan lejar selepas Imbangan Duga disediakan: (i) kesilapan ketinggalan satu urus niaga (kesilapan ketinggalan) (ii) kesilapan merekod amaun yang betul ke dalam akaun yang salah (kesilapan komisen) (iii) kesilapan merekod ke dalam jenis akaun yang salah (kesilapan prinsip) (iv) kesilapan amaun (kesilapan daripada sumber maklumat asal) (v) kesilapan terbalik atau songsang	S9.1.2	Menyenaraikan beberapa contoh Kesilapan Ketara.			

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
			(vi) kesilapan saling mengimbangi				
		S9.1.5	Menyediakan Imbangan Duga Terselaras selepas Kesilapan Tidak Ketara dibetulkan.				
		<b>S9.2</b>	<b>Penyata Kewangan selepas pembedaan kesilapan.</b>				
		S9.2.1	Menyatakan kesan kepada Penyata Kewangan bagi tahun kewangan semasa terhadap kesilapan pada item yang ditemui.				
		S9.2.2	Menyediakan Penyata Kewangan selepas mengambil kira pembedaan terhadap akaun-akaun yang berkaitan.				
		S9.2.3	Menerangkan kesan terhadap untung atau rugi bagi tahun kewangan semasa sekiranya pembedaan kesilapan tidak diambil kira dalam tahun kewangan sebelumnya.				

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
10.0	<b>ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN</b>	10.1	<b>Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi</b>	10.1	<b>Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi</b>		6
		10.1.2	Mengira dan mentafsir Nisbah Keberuntungan: (i) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan) (ii) Peratus Untung Kasar atas Jualan / Margin Untung Kasar (iii) Peratus Untung Bersih atas Jualan / Margin Untung Bersih (iv) Pulangan atas Modal	10.1.1	Menerangkan: (i) tujuan Analisis Penyata Kewangan (ii) jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan		
		10.1.3	Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan: (i) Nisbah Semasa (ii) Nisbah Ujian Asid.				
		10.1.4	Mengira dan mentafsir Nisbah Kecekapan: (i) Kadar Pusing Ganti Stok (ii) Tempoh Kutipan Hutang				

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
			(iii) Tempoh Pembayaran Hutang				
		10.1.5	Mengira dan mentafsir setiap nisbah dengan menghubungkan kait prestasi yang hendak diukur berdasarkan kes.				
		10.1.6	Membanding prestasi: (i) perniagaan bagi tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan (ii) antara perniagaan dalam industri yang sama				
		10.1.7	Merumuskan dapatan analisis dan mencadangkan cara meningkatkan prestasi perniagaan berdasarkan pencapaian tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan.				
		10.1.8	Merumuskan dapatan analisis dan memilih perniagaan berdasarkan prestasi.				

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
11.0	REKOD TAK LENGKAP			11.1	<b>Pengenalan Rekod Tak Lengkap</b>			13
				11.1.1	Menerangkan: (i) maksud Rekod Tak Lengkap (ii) sebab rekod perniagaan tidak lengkap (iii) kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan untung atau rugi perniagaan			
				11.1.2	Menjelaskan implikasi Rekod Tak Lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan.			
		11.2	<b>Kaedah Perbandingan</b>	11.2	<b>Kaedah Perbandingan</b>			
		11.2.2	Mengklasifikasi maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.	11.2.1	Menerangkan Kaedah Perbandingan.			
		11.2.3	Menganalisis aset dan liabiliti pada awal tahun dan akhir tahun.					

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)			
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap		
		11.2.4	Menghasilkan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir.						
		11.2.5	Menghasilkan Penyata Mengira Untung atau Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan.						
		<b>11.3</b>	<b>Kaedah Analisis</b>	<b>11.3</b>	<b>Kaedah Analisis</b>				
		11.3.2	Mengklasifikasi maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.	11.3.1	Menerangkan Kaedah Analisis.				
		11.3.3	Menganalisis maklumat Buku Tunai berkaitan item Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.						
		11.3.4	Mentaksir: (i) jumlah jualan dan jumlah belian (ii) belanja dan hasil dengan mengambil kira pelarasan						



Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
		11.3.5	Menghasilkan Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.				

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
12.0	PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN			12.1	<b>Kawalan Tunai</b>		10
				12.1.1	Menerangkan: (i) tujuan kawalan tunai (ii) kaedah kawalan tunai		
		12.2	<b>Penyata Penyesuaian Bank</b>	12.2	<b>Penyata Penyesuaian Bank</b>		
		12.2.2	Menerangkan: (i) sebab perbezaan baki Akaun Bank dalam Buku Tunai dengan baki Penyata Bank (ii) butiran yang terdapat dalam Buku Tunai tetapi tidak terdapat dalam Penyata Bank dan sebaliknya (iii) perbezaan antara angka dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai pada suatu transaksi yang sama	12.2.1	Menerangkan: (i) fungsi Penyata Bank (ii) tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank		
		12.2.3	Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai.				

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		12.2.4	Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai.					
		<b>12.3</b>	<b>Belanjawan Tunai</b>	<b>12.3</b>	<b>Belanjawan Tunai</b>			
		12.3.5	Menghasilkan Belanjawan Tunai secara manual dan menggunakan aplikasi TMK.	12.3.1	Menerangkan kepentingan Belanjawan Tunai.			
				12.3.2	Menerangkan maksud: (i) Penerimaan dan Pembayaran (ii) Lebihan dan Kurangan; (iii) penerimaan sebenar melebihi penerimaan yang dijangka dan sebaliknya (iv) pembayaran sebenar melebihi pembayaran yang dijangka dan sebaliknya			
				12.3.3	Melakar format Belanjawan Tunai.			
				12.3.4	Mengenal pasti butiran penerimaan dan pembayaran.			

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
13.0	PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN			<b>13.1</b>	<b>Perniagaan Perkongsian</b>			15
				13.1.1	Menyatakan tujuan penubuhan perniagaan perkongsian.			
				13.1.2	Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.			
				13.1.3	Menjelaskan: (i) kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian (ii) kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 yang berkaitan dengan aspek perakaunan			
				13.1.4	Menerangkan tujuan memeterai Ikatan Perkongsian.			

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
				13.1.5	Menerangkan kandungan Ikatan Perkongsian berkaitan aspek perakaunan berikut: (i) Jumlah modal yang disumbangkan oleh pekongsi (ii) Faedah atas modal (iii) Faedah atas ambilan (iv) Faedah atas pinjaman pekongs; (v) Gaji / Elaun / Bonus pekongsi (vi) Kongsi untung atau Kongsi rugi			
		13.2	<b>Akaun Pengasingan Untung Rugi</b>	13.1.6	Menjelaskan implikasi jika tiada Ikatan Perkongsian.			
		13.2.4	Menghasilkan Akaun Pengasingan Untung Rugi dalam bentuk 'T' dan format penyata.	13.2	<b>Akaun Pengasingan Untung Rugi</b>			
				13.2.1	Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi.			
				13.2.2	Menerangkan format Akaun Pengasingan Untung Rugi.			

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)	
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		13.3	<b>Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian</b>	13.2.3	Mengira: (i) Faedah atas ambilan (ii) Faedah atas modal (iii) Gaji / Elaun / Bonus pekongsi (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi (v) Kongsi Untung atau Kongsi Rugi berdasarkan pembahagian sama rata, nisbah baki modal awal atau nisbah tetap			
		13.3.1	Menyediakan: (i) Akaun Modal menggunakan Kaedah Modal Berubah (ii) Akaun Modal dan Akaun Semasa menggunakan Kaedah Modal Tetap	13.3.4	Merumuskan perbezaan Ekuiti Pemilik antara perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.			

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		13.3.2	Merekod faedah atas pinjaman pekongsi dalam Akaun Semasa.					
		13.3.3	Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian berdasarkan maklumat yang berkaitan dalam bentuk 'T' dan format penyata.					
		<b>13.4</b>	<b>Pembubaran Perkongsian</b>	<b>13.4</b>	<b>Pembubaran Perkongsian</b>			
		13.4.3	Merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am.	13.4.1	Menerangkan sebab pembubaran perkongsian.			
		13.4.4	Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal pekongsi dan akaun-akaun yang berkaitan.	13.4.2	Menerangkan tatacara pembubaran perkongsian.			
		13.4.5	Membincangkan penyelesaian apabila Akaun Modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran.					

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
14.0	PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER			14.1	<b>Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer</b>			7
				14.1.1	Menerangkan tatacara penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer mengikut Akta Syarikat 2016.			
				14.1.2	Menyatakan kandungan Perlembangan Syarikat Berhad Menurut Syer.			
				14.1.3	Membandingkan ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam.			
				14.1.4	Memberikan: (i) contoh Syarikat Persendirian (ii) contoh Syarikat Awam yang tersenarai dalam Bursa Malaysia			



Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		<b>14.2</b>	<b>Jenis modal dan terbitan syer</b>	<b>14.2</b>	<b>Jenis modal dan terbitan syer</b>			
		14.2.2	Mengira modal diterbitkan dan berbayar penuh.	14.2.1	Menerangkan: (i) jenis modal syer; dan (ii) ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif.			
		14.2.3	Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am.					
		14.2.4	Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar.	14.2.5	Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.			
				<b>14.3</b>	<b>Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer</b>			
				14.3.1	Menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan.			
				14.3.2	Membezakan komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat Berhad Menurut Syer, Pekongsian dan Milikan Tunggal.			

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		<b>14.4</b>	<b>Dividen tunai</b>	<b>14.4</b>	<b>Dividen tunai</b>			
		14.4.3	Mengira: (i) dividen interim dan dividen akhir (ii) dividen syer keutamaan dan syer biasa bagi beberapa tahun kewangan	14.4.1	Menerangkan maksud dividen tunai.			
				14.4.2	Menjelaskan jenis dividen tunai.			
				14.4.4	Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak.			
				14.4.5	Merumuskan hak pemegang syer keutamaan bersifat kumulatif terhadap dividen tertunggak.			

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
15.0	<b>PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN</b>			<b>15.1</b>	<b>Kelab dan Persatuan</b>			11
				15.1.1	Menerangkan: (i) takrif Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (ii) tatacara dan matlamat penubuhan sesebuah Kelab dan Persatuan berbanding entiti yang berorientasikan keuntungan (iii) sumber utama kewangan Kelab dan Persatuan			
				15.1.2	Membanding akaun-akaun Kelab dan Persatuan dengan akaun-akaun entiti yang berorientasikan keuntungan.			
				15.1.3	Menganalisis sama ada aktiviti mencari keuntungan bagi sesebuah Kelab dan Persatuan bertentangan dengan motif utama penubuhannya.			

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		<b>15.2</b>	<b>Akaun Penerimaan dan Pembayaran</b>	<b>15.2</b>	<b>Akaun Penerimaan dan Pembayaran</b>			
		15.2.3	Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam bentuk 'T' dan format penyata.	15.2.1	Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.			
		15.2.4	Membezakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dengan Buku Tunai bagi entiti yang berorientasikan keuntungan.	15.2.2	Memberi contoh item penerimaan dan pembayaran.			
		<b>15.3</b>	<b>Akaun Yuran Ahli</b>	<b>15.3</b>	<b>Akaun Yuran Ahli</b>			
		15.3.3	Menyediakan Akaun Yuran Ahli.	15.3.1	Menerangkan maksud Yuran.			
				15.3.2	Menerangkan maksud Yuran Semasa, Yuran Lapuk, Yuran Belum Terperoleh dan Yuran Belum Terima.			

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		<b>15.4</b>	<b>Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</b>	<b>15.4</b>	<b>Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</b>			
		15.4.4	Mentafsir Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal, Perbelanjaan Hasil dan Perbelanjaan Modal.	15.4.1	Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.			
		15.4.5	Menyediakan Akaun Perdagangan dalam bentuk 'T' dan format penyata.	15.4.2	Menerangkan maksud lebihan dan kurangan pendapatan.			
		15.4.6	Mentaksir untung atau rugi aktiviti berkala bagi Kelab dan Persatuan.	15.4.3	Memberi contoh hasil dan belanja bagi Kelab dan Persatuan.			
		15.4.7	Menghasilkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam bentuk 'T' dan format penyata.					
		15.4.8	Memberi alasan item yang terdapat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.					

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		15.4.9	Membahas sebab nilai item yang direkodkan dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak sama dengan nilai item yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.					
		<b>15.5</b>	<b>Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan</b>	<b>15.5</b>	<b>Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan</b>			
		15.5.2	Mengira Dana Terkumpul.	15.5.1	Menerangkan maksud Dana Terkumpul.			
		15.5.3	Menghasilkan Penyata Kedudukan Kewangan dalam bentuk "T" dan format penyata.					
		15.5.4	Merumuskan perbezaan komponen Dana Terkumpul Kelab dan Persatuan dengan komponen Ekuiti Pemilik entiti yang berorientasikan keuntungan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.					

Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
16.0	PERAKAUNAN KOS	16.1	<b>Jenis kos dan Kerja Dalam Proses</b>	16.1	<b>Jenis kos dan Kerja Dalam Proses</b>			12
		16.1.3	Mengira: (i) Kos Bahan Langsung (ii) Kos Buruh Langsung (iii) Kos Belanja Langsung (iv) Kos Prima (v) Kos Overhed	16.1.1	Menyatakan konsep kos dan jenis kos.			
		16.1.5	Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambilkira Kerja Dalam Proses.	16.1.2	Menyenaraikan komponen kos pengeluaran.			
		16.2	<b>Akaun Pengeluaran</b>	16.1.4	Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir.			
		16.2.2	Menyediakan Akaun Pengeluaran tanpa mengambil kira Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan format penyata.	16.2	<b>Akaun Pengeluaran</b>			
				16.2.1	Menyatakan tujuan penyediaan Akaun Pengeluaran.			

Modul		Standard Pembelajaran					Peruntukan Masa (Jam)	
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
		16.2.3	Menghasilkan Akaun Pengeluaran dengan mengambilkira Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan format penyata.					
		16.2.4	Memindahkan Kos Pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan.					
		16.2.5	Merumuskan justifikasi pengagihan sebahagian daripada kos ke Penyata Kos Pengeluaran dan Penyata Pendapatan.					
		<b>16.3</b>	<b>Analisis Titik Pulang Modal</b>	<b>16.3</b>	<b>Analisis Titik Pulang Modal</b>			
		16.3.2	Mengira: (i) Kos Tetap (ii) Kos Berubah (iii) Jumlah kos (iv) Jumlah hasil (v) Margin Caruman Seunit	16.3.1	Menerangkan maksud: (i) Analisis Titik Pulang Modal (ii) Kos Tetap, Kos Berubah dan Margin Caruman			



Modul		Standard Pembelajaran						Peruntukan Masa (Jam)
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
			(vi) Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Margin Caruman					
		16.3.3	Menganalisis Titik Pulang Modal dengan mengambil kira perubahan pada salah satu komponen kos dan harga jualan.					
		16.3.4	Menentukan keuntungan berdasarkan kuantiti yang didasarkan dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman.					
		16.3.5	Menjana kuantiti yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran yang ditetapkan berdasarkan sesuatu situasi.					
		16.3.6	Menyelesaikan masalah pulangan modal yang dihadapi oleh sesebuah firma dengan menggunakan analisis Titik Pulang Modal.					

Modul		Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa (Jam)		
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan			Kandungan Pelengkap	
		16.3.7	Melakar graf Titik Pulang Modal.					
		16.3.8	Menentukan Titik Pulang Modal dengan menggunakan Kaedah Graf.					
		16.3.9	Menganalisis Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Graf.					
		16.3.10	Menjana keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Graf.					



Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917